

## ANALISIS FALSAFAH PEMIKIRAN POLITIK TUN MAHATHIR (TDM): SKOP KAJIAN DARI 10 MEI 2018 SEHINGGA 24 Feb 2020

Nor Azaruddin Husni bin Nuruddin

### ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti dan meneroka gagasan pemikiran politik Tun Dr. Mahathir Mohamad (TDM) sepanjang beliau menjadi Perdana Menteri Malaysia ke-7 iaitu dari 10 Mei 2018 sehingga 24 Feb 2020. Kaedah kajian yang digunakan dalam penyelidikan ini ialah pendekatan deskriptif analitis. Iaitu pengkajian secara sistematis terhadap pemikiran seorang pemikir. Sumber primer adalah data-data, maklumat-maklumat serta apa-apa dapatan yang berkaitan dengan persoalan kajian. Analisis yang digunakan ialah analisis kandungan iaitu perbincangan mendalam terhadap kandungan suatu maklumat bertulis, bercetak dan media elektronik yang berkaitan dengan tokoh yang diselidik. Analisis dimulai dengan melakukan telaah dan pencatatan berbagai hal penting yang dilakukan oleh TDM. Keputusan kajian ialah falsafah pemikiran politik TDM dipengaruhi oleh lima komponen pemikiran yang saling berkait. Komponen-komponen tersebut ialah nasionalisme, Islam, strategik, integriti dan ekonomi

Kata kunci: Mahathir, pemikiran, politik, falsafah

### PENGENALAN

Falsafah pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad (TDM) adalah penting untuk dikaji kerana pemikiran TDM telah banyak mencorakkan hala tuju Malaysia yang ada pada hari ini samada dari segi pembangunan, ekonomi, perundangan, sains dan teknologi dan lain-lain.

Namun, dalam konteks kajian ini, saya memberi definisi pemikiran itu sebagai apa-apa yang ada di dalam kotak pemikiran seseorang itu dan dapat dilaksanakan dalam bentuk tindakan di alam nyata iaitu dapat dipraktikkan. Proses transformasikan sesuatu bentuk idea kepada tindakan di alam nyata ini memerlukan kuasa tanpa kuasa idea-idea tersebut hanya tinggal sebagai idea atau angan-angan. Pemikiran menurut kajian ini adalah (a) mempunyai idea (b) dapat melaksanakan idea tersebut dan (c) dapat mengukur keberhasilan idea tersebut.

Beberapa kajian yang telah dilakukan sebelum ini berkaitan dengan pemikiran TDM. Kajian yang dilakukan oleh (Teik, 1995) memberi definisi kepada ideologi politik TDM yang dinamakan sebagai "Mahathirisme". Menurut Teik, Mahathirisme ini mengandungi lima (5) komponen utama iaitu (i) nasionalisme (ii) kapitalisme (iii) Islam (iv) populisme dan (v) authoritarianisme. Teik (Rusdi, 2006) seterusnya membahagikan Mahathirisme dalam aspek nasionalisme ini kepada 2 bahagian iaitu (i) nasionalisme terhadap negara (ii) nasionalisme terhadap orang Melayu.

Nasionalisme terhadap orang Melayu ini menurut Teik adalah berdasarkan kepada buku Dilema Melayu (Mohamad, 1970) yang mengkritik secara jujur dan terbuka mengenai cara hidup dan cara pemikiran orang Melayu pada waktu itu agar orang Melayu berubah sekiranya mereka ingin maju dalam persaingan dengan bangsa-bangsa lain di tanah air sendiri.

Buku ini hadir ketika orang Melayu menghadapi dilemma dan kebuntuan kerana kemerdekaan yang dicapai gagal mendapatkan pembelaan seperti yang diimpikan. Orang Melayu masih lagi jauh ketinggalan dalam bidang ekonomi khususnya. Menurut kajian ini lagi, TDM yang sentiasa mengutamakan kepentingan orang Melayu telah dilihat sebagai "ultra Melayu oleh orang-orang bukan Melayu. Semangat nasionalisme TDM terhadap negara pula menurut Khoo adalah berdasarkan kepada semangat patriotism yang tinggi seperti dasar "Buy British Last", dasar "Pandang Ke Timur", serangan *London Stock Exchange (LSE)* pada 7 September 1981 untuk mengambil alih syarikat perlandangan *Gutrie* oleh kerajaan Malaysia. Serangan ini telah menggemparkan dunia yang dikenali sebagai "Dawn Raid" atau "Serangan Subuh".

Menurut kajian ini pula (Rusdi, 2006), Mahathirisme adalah berkaitan dengan lima perkara seperti berikut (i) siapa yang paling kuat adalah yang paling berkuasa (ii) memperkenalkan nilai-nilai Asia (iii) mementingkan nilai-nilai Islam (iv) undang-undang dipengaruhi oleh budaya dan masyarakat masing-masing (v) keadilan sosial dari segi ekonomi. Siapa yang kuat dia yang paling berkuasa merujuk kepada kerajaan yang kuat sekiranya mahu kerajaan yang dihormati. Mementingkan nilai-nilai Asia. Menurut TDM nilai-nilai Asia adalah jauh lebih baik dari nilai-nilai Barat tetapi masih ada orang-orang Asia yang bangga atau bermegah-megah dengan nilai-nilai orang Barat. Nilai-nilai Asia ini menurut TDM adalah seperti (i) masyarakat yang teratur (ii) masyarakat yang harmoni (iii) kebertanggungjawab kakitangan awam (iv) terbuka kepada idea-idea baru (v) menghormati pemerintah.

Seterusnya, menurut TDM peri pentingnya mengamalkan nilai-nilai Islam yang terkandung di dalam Al-Quran dan As-Sunnah. Nilai-nilai tersebut adalah nilai-nilai yang sebenarnya yang dikehendaki oleh Allah SWT. Undang-undang menurut TDM dipengaruhi oleh budaya dan tamadun masyarakat masing-masing. Undang-undang perlu adil apabila dilaksanakan dan disesuaikan dengan keadaan masyarakat. Oleh sebab itu, ketika pemerintahan TDM beliau masih mengekalkan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), Akta Rahsia Rasmi (OSA), Akta Hasutan, Akta Mesin Cetak dan banyak lagi. Keadilan sosial pula menurut TDM ialah menyatakan kemajuan ekonomi yang dikongsi bersama oleh setiap kaum secara adil dan saksama.

Menurut kajian ini lagi, faktor “Mahathirisme” di pengaruhi oleh 5 faktor iaitu (i) keluarga (ii) penjajahan negara (iii) kedoktoran (iv) C.H.E Det. Dari segi faktor keluarga TDM telah dididik kehidupan yang penuh dengan disiplin. Dari segi faktor penjajahan pula, TDM telah melalui dua zaman penjajahan iaitu zaman Jepun dan zaman British. Apa yang menjadi akar kepada pemikiran TDM ialah beliau berpandangan bahawa British mampu dikalahkan oleh Jepun disebabkan disiplin tentera Jepun yang tinggi. Dari segi kedoktoran pula, TDM mendiagnosis setiap masalah pesakit sebelum merawat. Begitu juga dengan permasalahan perlu didiagnosis untuk mengetahui punca masalah. Faktor C.H.E. Det adalah bagaimana TDM menyebarkan idea-idea beliau melalui penulisan. Isu-isu yang diutarakan dalam penulisan TDM adalah berkaitan dengan soal pendidikan tinggi masyarakat Melayu, kebebasan wanita Melayu dan kehidupan masyarakat Melayu.

Kajian Mahathirisme ini juga dilakukan oleh pengkaji dari luar negara seperti (Hilley, 2008), (Wain, 2009) dan Dosch (2014). Menurut Hilley, Mahathirisme adalah autokratik terhadap rakyat. Menurut beliau perkara ini berdasarkan berbagai sekatan dan kawalan terhadap media. Kerajaan telah menggunakan akta untuk membatalkan permit penerbitan jika bertentangan dengan kepentingan sosial. Kedua, kerajaan mengawal media melalui pemilikan negara atau naungan kerajaan. Sebagai contoh, Utusan Malaysia dimiliki oleh *United Malays National Organisation* (UMNO), *The Star* dimiliki oleh *Malaysian Chinese Association* (MCA) dan Tamil Nadu dimiliki oleh *Malaysian Indian Congress* (MIC). Menurut kajian ini, kerajaan mengarahkan wartawan untuk melaporkan hal-hal yang positif sahaja berkaitan dengan kerajaan. Hilley bersetuju dengan tindakan pembangkang yang mengadakan reformasi pada tahun 1998 serta bersetuju dengan sikap pembangkang yang menggelar TDM sebagai Mahafiraun dan Mahazalim. Ini adalah kerana menurut Hilley cara TDM menahan Anwar Ibrahim di bawah undang-undang ISA yang membenarkan penahanan tanpa bicara dan memenjarakan Anwar Ibrahim di bawah tuduhan rasuah dan salah laku seksual.

Dosch dalam kajiannya (Dosch, 2014) pula menyatakan bahawa Mahathirisme adalah cara untuk menyekat semua pengaruh pihak pembangkang bagi mengekalkan “status quo” kerajaan. Sebagai contoh, melarang rakyat daripada hadir ceramah politik pembangkang dan melarang rakyat mengadakan tunjuk peragaan atau perhimpunan.

Menurut Kajian yang dilakukan oleh (Wain, 2009), Mahathirism adalah satu prinsip yang berasaskan kepada matlamat menghalalkan cara. Wain telah memberikan dua contoh iaitu (i) TDM telah mencadangkan pindaan perlembagaan ke atas kuasa raja pada tahun 1983. Tujuan pindaan ini adalah bagi menghadkan kuasa raja-raja atau raja tidak mengatasi perlembagaan negara. Jika Yang Di-Pertuan Agung tidak memperkenankan rang undang-undang yang telah di luluskan di Dewan Rakyat dan dewan Negara dalam masa 30 hari maka rang undang-undang tersebut dianggap sebagai telah diperkenankan. Contoh lain yang dikemukakan oleh Wain ialah tindakan TDM menggantung permit penerbitan tiga akhbar iaitu *The Sar*, *Sin Chew Jit Poh* dan *Watan* semasa Operasi Lalang pada tahun 1987. Bagi TDM semua akhbar ini melaporkan berita buruk mengenai kerajaan.

Kajian-kajian (Ramlie) lain juga yang mengaji pemikiran TDM telah dilakukan oleh Zulfa Jamalie (2011) kajian ini di peringkat doktor falsafah (PhD) untuk mengenalpasti dan menerokai gagasan pemikiran TDM mengenai Islam dan kenegaraan, pandangan Mahathir terhadap Islam dan Isu-isu kenegaraan moden dan pandangan TDM terhadap hubungan antara Islam dan kenegaraan.

Skop kajian 10 Mei 2018 hingga 24 Feb 2020

Najib Razak mengangkat sumpah sebagai PM Keenam pada 3 April 2009. TDM menjadi pengkritik Najib Razak yang paling lantang pada tahun 2017<sup>1</sup>. Antara sebab ialah isu RM2.6bil dan *IMalaysian Development Berhad* (IMDB). Pada 9 September 2019 TDM telah menubuhkan Parti Pribumi Bersatu (PPBM) untuk menumbangkan Najib Razak dan seterusnya mengambil alih Putrajaya.

Pada 9 Mei 2018 pilihanraya umum diadakan dan TDM telah bertanding atas kerusi Parlimen Langkawi menentang penyandangannya Datuk Ir Nawawi bin Ahmad dan TDM telah menang. Sehubungan dengan itu, pada 10 Mei 2018 TDM telah mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri Malaysia yang ke-7.

Sebaik sahaja TDM menjadi Perdana Menteri berikut adalah 100 hari garis masa kepimpinan TDM.

Pada 12 Mei 2018, TDM telah membentuk Lembaga penasihat kerajaan. Mereka terdiri daripada Tun Daim Zainuddin, bekas Menteri Kewangan Malaysia, Tan Sri Zeti Akhtar Aziz, bekas Gabenor Bank Negara Malaysia, Tan Sri Hassan Merican, bekas presiden dan Ketua Eksekutif Petronas, Robert Kuok, jutawan Maaysia yang berpangkalan di Hong Kong, Professor Jomo Kwame Sundram, ahli ekonomi terkemuka. Mereka-mereka ini merupakan pemikir kepada kerajaan yang berpengalaman dalam berbagai bidang.

Pada 13 Mei 2018, TDM telah mengarahkan Lembaga Hasil Dalam Negeri untuk memulangkan semula cukai yang telah dikutip secara haram. Ketika ini ramai yang bersyukur apabila kutipan cukai secara haram tersebut dikembalikan kepada rakyat. Ramai yang terkesan terutama mereka yang telah membuat potongan cukai berjadual setiap bulan.

Pada 14 Mei 2018, TDM telah menyusun semula jawatan-jawatan penting di dalam Perkhidmatan Awam. Jawatan ini termasuklah jawatan Peguam Negara Mohamed Apandi Ali, jawatan ketua Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Tan Sri Dzulkifli Ahmad, jawatan Ketua Setiausaha Perbendaharaan Tan Sri Dr Mohd Irwan Serigar Abdulah telah dipendekkan kepada 14 Jun 2018 dan dipindahkan ke Jabatan Perkhidmatan Awam.

15 Mei 2018, Jabatan Audit Negara mengumumkan hasil siasatan ke atas IMDB dan menubuhkan Jawatankuasa Pembaharuan Institusi dengan 5 anggota yang terdiri daripada 2 hakim bersara Mahkamah Rayuan iaitu Datuk KC Vohrah dan Datuk Mah Meng Kwai yang juga Pesuruhjaya Hak Asasi Malaysia, Presiden Persatuan Patriot Kebangsaan Brig Jen(B) Datuk Mohamaed Arshad Raji, Pensyarah Undang-undang dan pemegang Kursi Tunku Abdul Rahman di Universiti Malaya Prof Emeritus Datuk Dr. Shad Saleem Faruqi dan Presiden Persatuan Hak Asasi Manusia Kebangsaan Datuk S. Ambiga. Menurut TDM, pembaharuan ekonomi semata-mata tidak mampu membawa perubahan yang diinginkan melainkan turut diiringi pembaharuan institusi.

17 Mei 2018, TDM sebagai melantik dirinya sebagai Menteri pendidikan.

18 Mei 2018, TDM mengundurkan perlintikannya sebagai Menteri pendidikan berdasarkan janjinya dalam perlembagaan.

21 Jun 2018, TDM bertemu dengan Perdana Menteri Jepun, Shinzo Abe di Jepun

3 Ogos 2018, TDM bertemu dengan Setiausaha Negara Amerika Syarikat Mike Pompeo di Pejabat Perdana Menteri Putrajaya.

24 Feb 2020, TDM mengumumkan perletakan jawatan sebagai Perdana Menteri kepada Yang di-Pertuan Agung TDM kemudiannya dilantik sebagai Perdana Menteri interim sehingga perdana menteri baru dilantik. TDM juga membayangkan penubuhan kerajaan yang bukan berdasarkan part-parti politik iaitu setiap kementerian diterajui oleh mereka yang pakar di dalam bidang tersebut dan boleh terdiri dari mana-mana parti politik. Secara mudahnya, apa yang dilihat oleh TDM ialah kepakaran seseorang bukan parti politik seseorang. Ini selari dengan sepotong hadith yang menyatakan bahawa "*apabila sesuatu perkara itu diberikan kepada orang yang bukan ahlinya maka tunggulah kehancurannya*".

Sepanjang TDM memerintah berikut adalah beberapa sumbangan yang telah dilakukan atau dilaksanakan oleh TDM.

Harga internet unifi dan *mobile data* telah dikurangkan, TDM telah melaksanakan tender terbuka dan tidak ada lagi perundingan terus atau *direct nego* kerana *direct nego* ini akan membuka ruang seluas-luasnya untuk berlakunya rasuah yang semakin meruncing ketika ini. TDM juga telah membayar hutang negara atau hutang IMDB kerana menurut TDM sekiranya hutang ini tidak diselesaikan maka negara akan mufls seperti mana berlaku ke atas Greece<sup>2</sup>.

TDM telah menghapuskan cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) dan digantikan dengan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) kerana menurut TDM SST ini adalah lebih baik kepada rakyat berbanding dengan GST<sup>3</sup>. Tol telah dikurangkan dan tol motosikal telah dimansuhkan<sup>4</sup>. Ini memberi kesan besar kepada rakyat khususnya pengguna motosikal yang menggunakan motosikal untuk berulang alik ke tempat kerja setiap hari yang kebanyakannya terdiri dari golongan B40 atau pelajar-pelajar universiti yang sedang mencari pekerjaan.

TDM telah mengembalikan kembali subsidi harga minyak<sup>5</sup> yang bertujuan supaya kerajaan dapat menetapkan harga siling minyak tanpa memberi beban kepada rakyat. Jika tidak ada subsidi harga minyak maka kenaikan harga minyak dunia akan memberi tekanan besar kepada rakyat. TDM juga telah menaikkan cukai yang tinggi kepada kasino dan perjudian. Ini termasuk menaikkan cukai terhadap rokok kerana rokok membahayakan kesihatan. Walau bagaimanapun kenaikan harga rokok ini akan menyumbang kepada aktiviti penyeludupan rokok yang lebu tinggi.

TDM juga telah meneruskan bantuan Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BRIM) dan menukarkannya kepada Bantuan Sara Hidup (BSH) In adalah kerana menurut TDM bantuan ini telah diberikan oleh kerajaan yang sebelumnya jadi wajar diteruskan jika tidak diteruskan akan memberi kemarahan kepada rakyat. TDM juga telah memperkenalkan skim caruman KWSP untuk suri rumah, artis-artis dan juga lain-lain pekerja. Senario yang berlaku ialah apabila mereka tidak mempunyai simpanan di hari tua. Ini sebenarnya memberi ruang kepada rakyat Malaysia untuk membuat caruman dalam KWSP walaupun sebagai suri rumah atau bekerja sendiri.<sup>6</sup>

<sup>2</sup> Krisis kewangan global yang meledak pada tahun 2007-2008 memberikan kesan besar kepada dunia. Krisis bermula dengan kejatuhan pasaran pajak gadaai subprima di Amerika Syarikat dan akhirnya merebak ke Eropah. Salah satu negara yang mengalami krisis kewangan adalah Greece. Greece berdepan dengan masalah hutang dan belanjawan deficit. Kesan ini telah membawa Greece ke kancah masalah pengangguran, peningkatan kos barangan dan perkhidmatan, pengurangan gaji, masalah insuran kesihatan, pembangunan sosial rakyat Greece terjejas dan sebagainya

<sup>3</sup> Kadar standard GST adaah 6 peratus dan ia dikumpulkan pada setiap peringkat rantaian bekalan. Kerajaan telah mengutip RM44 bilion melalui GST pada tahun 2017 dan pada asalnya menasaskan RM43.8 billion. Bagi SST pula, kadar cukai jualan sebanyak 5%, 10% atau kadar lain yang ditentukan oleh kerajaan. Kadar cukai perkhidmatan adalah 6% akan dikenakan kepada perkhidmatan makanan dan minuman, insuran, perkhidmatan komunikasi, kelas swasta, hotel dan lain-lain. Bagi SST, cukai hanya dikenakan ke atas pengilang dan pengimport bukan keseluruhan rantaian bekalan. Di samping itu, tiada peruntukan untuk menuntut kredit cuka import. Kerajaan berharap dapat mengutip sebanyak RM21 bilion setahun.

<sup>4</sup> Mulai Januari 2019, tiada lagi caj tol dikenakan terhadap penunggang motosikal yang melalui di tiga laluan iaitu Jambatan Pulau Pinang, Jambatan Sultan Abdul Halim Mua'adzam Shah (JSAHMS) dan Lebuh raya Laluan Kedua di Malaysia-Singapura (Linkedua) dengan implikasi kewangan kira-kira RM20 juta setahun. In adalah Langkah awal untuk menghapuskan tol motosikal sepenuhnya di seluruh Malaysia.

<sup>5</sup> Sebelum ini subsidi minyak dinikmati oleh golongan kaya dan miskin tetapi sekarang kerajaan hanya memberi subsidi kepada golongan B40 sahaja. Kira-kira 2.9 juta penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) bakal nikmati manfaat daripada Program Subsidi Petrol (PSP) yang membabitkan subsid sebanyak RM30 sebulan bagi kereta dan RM12 bagi motosikal yang akan dilaksanakam pada Januari 2019.

<sup>6</sup> Menurut pegawai Khidmat Nasihat Persaraan KWSP Kota Bharu, Mawardi Kamarul Zaman berkata mereka yang bekerja sendiri seperti artis, wartawan dan peniaga termasuk perniaga dalam talian boleh mencarum di dalam KWSP. Skim Caruman Sukarela KWSP sangat praktikal dan sesuai dimanfaatkan oleh golongan bekerja sendiri kerana memberi ruang kepada pencarum untuk menetapkan sendiri berapa jumlah yang mau dicarum pada setiap bulan hingga serendah RM5 sekali pun di mana-mana kaunter atas talian (Sinar Harian Online 8 Oktober 2019)

TDM juga telah berjaya pulihkan kembali Tabung Haji (TH)<sup>7</sup> sebelum ini TH menghadapi masalah kewangan. Maka TDM telah menstruktur semula TH melalui penjualan anak-anak syarikat yang tidak menguntungkan TH<sup>8</sup>. TH hanya mengekalkan syarikat-syarikat yang berdaya maju. Keuntungan syarikat ini nanti akan digunakan untuk membayar dividen kepada pendeposit TH.

TDM juga telah memperkasakan SPRM. TDM memandang serius gejala rasuah yang berlaku di Malaysia. Oleh sebab itu, TDM telah menambah bilangan kakitangan SPRM sebanyak 100<sup>9</sup> orang untuk memperkasakan lagi usaha memerangi rasuah kerana menurut TDM negara maju akan hancur sekiranya gejala rasuah ini tidak dibendung. Kesemua pesalah diheret ke muka pengadilan. Sebagai langkah awal TDM telah mengarahkan kesemua wakil rakyat mengistiharkan harta mereka<sup>10</sup>.

TDM juga telah berusaha untuk mendapatkan kembali duit 1MDB yang bertaburan di seluruh dunia. Berbagai-bagai usaha telah dilakukan oleh TDM mengenai perkara ini dan antara hasilnya ialah kerajaan Amerika Syarikat telah memulangkan sebanyak AS\$300 juta dana yang telah dicuri dari duit negara Malaysia.<sup>11</sup>

TDM juga telah menurunkan had umur mengundi bagi rakyat Malaysia daripada 21 tahun kepada 18 tahun. Ini kerana menurut TDM dapat memberi ruang kepada golongan muda memilih kerajaan yang akan memerintah mereka. Remaja masa kini hidup di alam era teknologi maklumat. Jadi, mereka boleh mendapat maklumat dengan mudah dan menjadikan mereka lebih berpengetahuan dan dapat membuat pilihan yang terbaik untuk negara mereka<sup>12</sup>.

Pencerobohan nelayan asing di perairan laut Malaysia semakin menjadi-jadi dan ini akan menjejaskan tangkapan nelayan tempatan. Bagi melindungi nelayan tempatan TDM telah menaikkan denda<sup>13</sup> yang tinggi pada mana-mana nelayan asing yang menceroobah perairan Malaysia untuk menangkap ikan dengan membawa kelengkapan yang moden.

TDM juga telah menubuhkan unit anti hina Islam di JAKIM<sup>14</sup>. Sebelum ini penghinaan kepada agama Islam khususnya kepada Nabi Muhammad SAW semakin serius di Malaysia. Penghinaan ini dilakukan dengan menggunakan media sosial seperti *FaceBook*, *Twitter*, *WhatsApp* dan berbagai-bagai lagi termasuk membuat video memperolok-olokkan umat Islam solat. Kini kita dapati kes-kes penghinaan terhadap agama Islam semakin berkurang kerana mereka akan menghadapi tindakan di dakwa di mahkamah.

TDM juga memastikan institusi raja-raja dikekalkan dan juga TDM mengekalkan kebebasan bersuara. Dalam era masa kini rakyat bebas bersuara di media sosial kecuali tidak menyentuh isu-isu agama atau isu-isu perkauman yang sensitif.

TDM juga telah memberikan peruntukan sebanyak RM10 juta kepada JAKIM untuk inisiatif Rahmatan Lil-Alamin bagi bangunkan pemahaman Maqasid Syariah<sup>15</sup>.

TDM melalui Kementerian Pendidikan juga telah mengurangkan beban guru. Jika sebelum ini bebanan kerja yang ditanggung oleh guru amat tinggi selain dari tugas mengajar guru-guru juga dibebani dengan tugas-tugas pentadbiran. Jadi, bebanan ini sedikit sebanyak telah membantu guru memberi tumpuan kepada pengajaran<sup>16</sup>.

<sup>7</sup> Kerajaan pimpinan TDM telah menyuntik dana sebanyak RM17.8 billion untuk membiayai agensi TH dalam tempoh 10 tahun dari tahun 2020 hingga tahun 2030. Menurut Datuk Seri Dr Mujahid Yusof, tindakan pengurusan terdahulu yang tidak memperdulikan amaran Bank Negara (BNM) bahawa agensi itu sudah mengalami kekurangan aset tetapi terus memberi hibah yang tinggi menyebabkan agensi itu berdepan masalah kewangan yang teruk. Mengikut standard laporan kewangan, sesebuah syarikat harus mengistiharkan kerugian jika nilai saham dibeli jatuh 20% tetapi apa yang TH lakukan dengan kebenaran Jamil Khir ialah menetapkan nilai saham harus jatuh 70% dan kemudian diubah kepada 85% dan selepas itu 90%. Pemalsuan ini bukan sahaja mendapat kebenaran Menteri tetapi Lembaga Pengarah TH (Berita Harian Online 10 April 2019)

<sup>8</sup> Perjanjian Pindah Milik Syarikat Tujuan Khas dibawah Kementerian Kewangan adalah alternatif yang diambil oleh pihak kerajaan bagi menyelamatkan dan memulihkan TH.

<sup>9</sup> Rujuk Bernama.com bertarikh 11 oktober 2019.

<sup>10</sup> TDM telah mengarahkan kesemua anggota kabinet dan anggota parlimen mengistiharkan harta mereka masing-masing. Namun, tidak semua yang mahu istihar. TDM mahu semua wakil rakyat bersikap telus dan bebas rasuah. (Astro Awani 19 Sept 2018)

<sup>11</sup> Jabatan Kehakiman (DoJ) Amerika Syarikat memulangkan AS\$300 juta yang diselewengkan daripada dana 1Malaysia Development Berhad (1MDB). Aset yang berjaya diperolehi semula termasuk aset mewah di Beverly Hills, New York dan London serta pelaburan bernilai jutaan Dollar yang dilakukan oleh ahli perniagaan dalam buruan Low Taek Jho atau Jho Low (Berita Harian Online 15 April 2020)

<sup>12</sup> Selepas 10 hari Rang Undang-Undang (RUU) Perlembagaan (Pindaan) 2019 diluluskan di Dewan Rakyat, ia diluluskan di Dewan Negara dengan majoriti dua per tiga. Pilihanraya di masa hadapan menyaksikan pengundi berusia 18 tahun dibenarkan mengundi dan menjadi calon berusia 18 tahun berbanding mengundi dan menjadi calon usia 21 tahun. Pindaan berkenaan memperolehi 47 daripada 68 ahli Dewan Negara (Harian Metro Online 25 Julai 2019)

<sup>13</sup> Rang Undang-Undang (RUU) Perikanan (pindaan) 2019, telah diluluskan di Dewan Rakyat bertujuan meningkatkan kadar denda dan mengekang pencerobohan nelayan asing ke perairan negara. Peningkatan denda terhadap nakhoda vessel asing yang menceroobah perairan negara daripada RM1 juta kepada RM6 juta. Bagi setiap awak-awak pula, denda maksimum daripada RM100,000 kepada RM600,000 serta memasukkan penalti baru iaitu denda maksimum RM4 juta bagi kesalahan pencerobohan perairan negara menggunakan vessel tempatan. (Berita Harian Online 9 Julai 2019)

<sup>14</sup> Unit Pemantauan Isu Hina Islam ditubuhkan bagi memantau penulisan atau provokasi bersifat menghina Nabi Muhammad SAW serta agama Islam. Orang ramai yang mempunyai sebarang maklumat berkaitan ini boleh WhatsApp segera ke talian hotline 0103005260 atau emailkan kepada aduan@jakim.gov.my (Harian Metro Online 7 Mac 2019/ Sinar Harian Online 7 Mac 2019)

<sup>15</sup> Intipati Belanjawan 202 yang dibentangkan di Dewan Rakyat oleh Menteri Kewangan, Lim Guan Eng pada 11 Oktober 2019 (Berita Harian Online 11 Oktober 2019)

<sup>16</sup> Kementerian Pendidikan menggariskan sembilan intervensi yang akan dilaksanakan bagi mengurangkan bebanan tugas guru. Dr Maslee Malik berkata, intervensi ini dipecahkan kepada lima inisiatif yang akan diumumkan ketika perutusan Tahun Baru pada 14 Januari 2020. Pada Ogos 2019, kementerian melaporkan sebanyak 4.4 peratus atau 2,123 daripada 48,258 guru dikenali pasti mengalami stress tahap sederhana tinggi. Hasil kajian

TDM juga telah membatalkan dan berunding semula projek-projek mega kerajaan yang dilaksanakan sebelum ini. Jika projek itu didapati mahal dan tidak masuk akal maka projek tersebut akan ditamatkan. Jika projek itu menguntungkan rakyat maka TDM akan berunding semula untuk mengurangkan kos projek tersebut. Apa yang penting bagi TDM ialah keuntungan untuk rakyat dan negara<sup>17</sup>.

TDM juga telah menghapuskan akta anti berita palsu<sup>18</sup>. Jika sebelum ini ada Akta Antiberita Tidak Benar tetapi TDM telah menghapuskan. Walau bagaimanapun, Akta Antiberita Tidak Benar ini amat penting dikekalkan kerana kini kita terdedah dengan berita-berita palsu yang setiap hari dimuatkan di media sosial. Ke arah menuju negara maju kita memerlukan rakyat yang mempunyai asas pemikiran saintifik iaitu yang berdasarkan fakta dan data bukan berita palsu. Berita-berita palsu atau fitnah ini lama kelamaan boleh meruntuhkan sebuah kerajaan atau menyebabkan ketidak stabilan kepada negara.

TDM telah melantik teknokrat atau pakar-pakar untuk mengetuai GLC atau syarikat-syarikat korporat kerajaan. Jika sebelum ini syarikat-syarikat korporat kerajaan diterajui oleh ahli-ahli politik kini TDM inginkan diterajui oleh mereka yang pakar dalam bidang tersebut. Ini adalah kerana jika sesuatu perkara ini diserahkan kepada orang yang bukan ahli maka tunggulah kehancurannya<sup>19</sup>.

TDM juga telah memansuhkan beberapa jabatan kerajaan yang berunsur politik seperti Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA) dan Biro Tatanegara (BTN). Jabatan-jabatan ini dibentuk atas dasar politik<sup>20</sup>.

TDM juga telah membayar royalti minyak kepada negeri pengeluar minyak. Kalau sebelum ini isu royalti minyak merupakan modal kempen pilihanraya oleh pembangkang tetapi ketika TDM memerintah, royalti minyak telah pun dibayar kepada Kelantan<sup>21</sup>, Terengganu<sup>22</sup> dan Sabah.<sup>23</sup>

TDM juga telah menyalurkan duit kepada sekolah-sekolah Tahfiz. Jika sebelum ini banyak sekolah-sekolah Tahfiz persendirian yang dalam keadaan daif dan banyak kes kebakaran yang berlaku disebabkan pendawaian elektrik tidak mengikut piawai yang ditetapkan oleh TNB. Sehubungan dengan itu, kerajaan telah meminta semua sekolah-sekolah Tahfiz supaya mendaftar untuk mendapatkan bantuan dari kerajaan.<sup>24</sup>

TDM juga telah menyalurkan dana sebanyak RM600 juta kepada negeri Kelantan dan Terengganu. Selain itu, TDM juga telah menaikkan elaun Guru Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA)<sup>25</sup> dan memberi bantuan khas kepada imam, bilal, guru takmir dan tok siak<sup>26</sup>.

---

menunjukkan stress di kalangan golongan itu disebabkan berbagai faktor antaranya isu keluarga, kewangan, pentadbiran, bebanan tugas, tidak dapat penghargaan, kekurangan kemahiran dalam menjalankan tugas dan tidak dilatih untuk menangani stress. (Berita Harian 14 Januari 2019)

<sup>17</sup> Menurut TDM, beliau membatalkan projek mega kerajaan bukanlah sekadar suka-suka tetapi disebabkan kekangan kewangan serta dapat menjimatkan kos kerajaan sehingga RM300 billion. Projek yang dibatalkan termasuk Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL), Saluran Paip Gas dan Keretapi Berkelajuan Tinggi Kuala Lumpur-Singapura. Menurut TDM lagi, kerajaan sekarang sedang kurangkan belanja kerajaan dan terpaksa menjual asset untuk bayar hutang (Berita Harian Online 22 Oktober 2018)

<sup>18</sup> Selepas empat bulan diwartakan sebagai undang-undang di bawah pengurusan Kerajaan Barisan Nasional (BN), Akta Antiberita Tidak Benar 2018 dimansuhkan di Dewan Rakyat. Pemansuhan ini diluluskan selepas Dewan Rakyat meluluskan Rang Undang-Undang Antiberita Tidak Benar (Pemansuhan) 2018. (Berita Harian Online 16 Ogos 2018)

<sup>19</sup> Menurut TDM "kita lantik orang yang ada kelayakan bukan ahli politik mana-mana parti sebagai pengerusi GLC" (Astro Awani 5 Jun 2020). Menurut Ketua Pemuda Parti Peribumi Bersatu Malaysia (PPBM) "Banyak GLC di Malaysia teramat baik tetapi dikongkong ahli politik yang hendak mengkayakan poket sendiri yang akhirnya menghancurkan syarikat. Sebagai contoh, isu FELDA yang teramat jelas. Dulu saham RM4.20 dan kini turun RM2.60 dan turun RM2.40 seunit. Ia agak menyedihkan ketika di bawah pimpinan Tan Sri Isa Samad (bekas Pengerusi FELDA) (Berita Harian Online 9 Jun 2018)

<sup>20</sup> Menurut TDM, kerajaan akan kaji cadangan untuk memansuhkan jabatan-jabatan kerajaan yang berbau politik. Menurut beliau "badan ini ditubuhkan bukan untuk kerajaan tetapi untuk BN tetapi menggunakan wang kerajaan untuk membayar gaji. Sementara itu, Ahli Parlimen Setiaawangsa, Nik Nazmi Nik Ahmad, mencadangkan supaya jabatan berbau politik ditutup kerana ia memihak dan bersifat toksik terhadap perpaduan sejati negara dan masih beroperasi dalam kerangka "Perang Dingin" sedangkan dunia sudah berubah. (Berita Harian Online 28 May 2018)

<sup>21</sup> Kelantan menerima bantuan "one-off" berjumlah RM400 juta daripada Kerajaan Persekutuan pada Disember 2019. Kerajaan negeri Kelantan mengucapkan penghargaan yang tak terhingga kepada TDM atas bantuan yang diberikan. (www.penerangan.gov.my 3 Jan 2020)

<sup>22</sup> Kerajaan Pusat (PH) menerusi Kementerian Kewangan sudah membuat pembayaran secara terus sebanyak tiga kali kepada Terengganu berjumlah RM450 juta. (Berita Harian Online 7 Jan 2019)

<sup>23</sup> Sabah akan menerima 20 peratus royalti daripada Kerajaan Pusat. TDM berkata di Dewan Rakyat bahawa kerajaan akan memenuhi janji menyalurkan royalti minyak 20 peratus kepada negeri-negeri pengeluar minyak (Harian Metro Online 19 Julai 2019)

<sup>24</sup> Kerajaan menyalurkan bantuan berjumlah RM100 juta bagi membantu sekolah Tahfiz yang berdaftar. Menurut, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa sekolah tahfiz yang berdaftar ada 1,026 buah dan sekolah agama negeri, sekolah agama rakyat, swasta dan persekutuan ada 1,880 buah. Syarat yang paling utama ialah mesti berdaftar dengan semua majlis agama negeri masing-masing (The Malaysian Online, 16 Jan 2020)

<sup>25</sup> Kerajaan menaikkan elaun Guru Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) sebanyak RM100 sebulan kepada 33,200 guru KAFA dengan peruntukan tambahan sebanyak RM46 juta Intipati Belanjawan 202 yang dibentangkan di Dewan Rakyat oleh Menteri Kewangan, Lim Guan Eng pada 11 Oktober 2019 (Berita Harian Online 11 Oktober 2019)

<sup>26</sup> Kerajaan beri bantuan on-off sebanyak RM500 kepada imam, bilal (Muazzin), tok siak/noja/merbot (penjaga masjid) dan guru takmir- Intipati Belanjawan 202 yang dibentangkan di Dewan Rakyat oleh Menteri Kewangan, Lim Guan Eng pada 11 Oktober 2019 (Berita Harian Online 11 Oktober 2019)

TDM juga menyalurkan bantuan persekolahan berjumlah RM100 kepada setiap pelajar<sup>27</sup>. Sebelum ini, pelajar universiti diberikan bawcaer buku berjumlah RM200 bertujuan supaya pelajar dapat membeli buku-buku rujukan yang diperlukan oleh mereka.

TDM juga telah memperkenalkan Pas Perjalanan Tanpa Had RM100 dan RM50 untuk pengangkutan awam<sup>28</sup>. TDM juga telah menghapuskan faedah pinjaman kepada peneroka FELDA dengan peruntukan sebanyak RM2 billion<sup>29</sup>. TDM juga telah menyamaratakan gaji minimum Semenanjung, Sabah dan Sarawak secara menaikkan gaji minimum pekerja tersebut<sup>30</sup>.

TDM juga telah memperkenalkan Skim Mysalam insuran kesihatan untuk golongan B40<sup>31</sup>. Kalau sebelum ini golongan ini yang kebanyakannya tidak mempunyai insuran kesihatan kini kerajaan pimpinan PH telah Mewujudkan MySlam untuk memudahkan golongan B40 ini mendapat perlindungan insuran kesihatan.

TDM dan Kementerian Alam Sekitar telah berusaha keras untuk memulangkan<sup>32</sup> semula sampah-sampah plastik yang telah dibeli oleh syarikat-syarikat Malaysia dari luar negara. Pencemaran sampah plastik ini memberi kesan besar terhadap alam sekitar. Sehubungan dengan itu, pengguna beg plastik di pasaraya-pasaraya telah di kawal.

Kerajaan pimpinan TDM juga telah memberi ruang kepada e-hailing untuk beroperasi melalui tatacara yang telah ditetapkan<sup>33</sup>. Kalau sebelum ini sesiapa sahaja boleh mencari pendapatan dengan bekerja sebagai pemandu *e-hailing* tetapi disebabkan tekanan daripada pihak teksi maka kerajaan telah memperketatkan syarat-syarat untuk menjadi pemandu *e-hailing*. Kini, rakyat Malaysia lebih selesa untuk menggunakan *e-hailing* berbanding menggunakan teksi. Banyak faktor pemilihan ini seperti sikap pemandu teksi yang kasar, panas baran dan lain-lain.

TDM juga telah berjaya untuk menangguhkan Jawatankuasa Khas Peperiksaan Bersepadu Sekolah Persendirian Cina (UEC)<sup>34</sup>. *Democratic Action Party* (DAP) dalam kenyataannya berkata bahawa mereka sanggup keluar daripada Pakatan Harapan jika TDM tidak mengiktiraf UEC. Masyarakat Cina telah menuntut agar kerajaan mengiktiraf sijil yang diambil oleh para pelajar sekolah persendirian Cina dengan menggunkan silibus mereka sendiri.

Usul untuk meminda perlembagaan 1(2) Perlembagaan Persekutuan<sup>35</sup> untuk mengembalikan hak Sabah dan Sarawak berdasarkan Perjanjian Malaysia 1963 iaitu membabitkan kedudukan Sabah dan Sarawak. Melalui fasal baru ini, perlembagaan akan memperincikan kedudukan semua negeri yang membentuk persekutuan dan mengembalikan status negeri semasa pembentukan Malaysia pada tahun 1963.

TDM juga telah memperkenalkan rebat sebanyak RM40 bil elektrik untuk keluarga miskin<sup>36</sup>. Isu bil elektrik TNB kini menjadi isu negara apabila bil elektrik telah melambung tinggi. Walau pun berbagai-bagai rungutan telah disiarkan di media sosial tetapi tidak ada sebarang tindakan dari pihak TNBkecualai menyatakan pengguna tidak memahami cara bil electric dibaca. Sehingga kini isu tersebut tidak dapat diselesaikan.

<sup>27</sup> Kerajaan umum bantuan RM100 untuk penuntut Institut Pengajian Tinggi (IPT). Bantuan ini dijangka memanfaatkan 1.2 juta

<sup>28</sup> Menteri Pengangkutan, Anthony Loke Siew Fook membuat kenyataan orang ramai boleh melanggan pas perjalanan tanpa had 30 hari RM100 untuk perkhidmatan rel dan bas RapidKL manakala pas RM50 untuk bas sahaja mulai Disember 2019. (Sinar Harian Online, 5 Nov 2018)

<sup>29</sup> Kerajaan memperuntukkan RM2 billion untuk hapus kadar faedah pinjaman peneroka. Menurut Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, Langkah itu selaras dengan janji kerajaan Pakatan Harapan (PH) yang mahu menghapuskan hutang tidak wajar bagi meringankan beban kewangan peneroka (Berita Harian Online 10 April 2019),

<sup>30</sup> Menurut TDM, kerajaan akan menyamaratakan pelaksanaan gaji minimum di semua negeri di semenanjung Sabah dan Sarawak. TDM berkata ketika sesi dialog sempena Kongres Masa Depan Bumiputera dan Negara 2018 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur. (Malaysiagazette.com, 1 September 2018)

<sup>31</sup> Skim mySalam untuk golongan B40 dilancarkan dengan rasminya oleh TDM pada 24 Jan 2019. Skim ini akan memanfaatkan kira-kira 3.69 juta penerima terdiri daripada isi rumah kumpulan pendapatan bulanan 40 peratus terendah (B40) yang juga penerima bantuan Sara Hidup Rakyat 2019 (BSHR). TDM dalam ucapan perasmianya berkata Kerajaan Persekutuan berhasrat membantu golongan B40 menangani kesulitan kewangan yang timbul akibat kemasukan ke wad hospital kerajaan atau ditimpa salah satu daripada 36 penyakit kritikal yang tidak diduga. Kerajaan menjangkakan seramai 3.69 juta rakyat yang berumur 18 hingga 55 tahun akan layak untuk menerima manfaat skim insuran ini. (Berita Harian Online, 24 Jan 2019)

<sup>32</sup> Malaysia hantar pulang 150 kontena sisa plastik ke negara asal mereka. Sisa pepejal plastik dianggarkan 3,737 tan metrik. Menteri Tenaga, sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Yeo Bee Yin berkata penghantaran balik kontena tidak membabitkan implikasi kewangan kerajaan. Kos penghantaran balik sisa plastik tersebut akan ditanggung oleh pihak pengimport atau syarikat perkapalan dan ini adalah pertama kali dalam sejarah penghantaran berskala besar. (Berita Harian Online, 20 Jan 2020).

<sup>33</sup> Kerajaan mengumumkan perkhidmatan *e-hailing* akan dikawal selia melalui Akta Pengangkutan Awam Darat (Pindaan) 2017 bermula 12 Julai 2018. Menteri pengangkutan, Anthony Loke Siew Fook berkata, semua syarikat yang mengendalikan perkhidmatan *e-hailing* diberikan tempoh moratorium selama 1 tahun bagi melaksanakan peraturan baru ini. Ianya bertujuan memastikan kesaksamaan kepada industri teksi, walaupun kelihatan berat sebelah kerana perkhidmatan *e-hailing* disyaratkan berfungsi seperti teksi berbanding teksi juga sepatutnya disyaratkan berfungsi seperti *e-hailing*. Syarat yang ketat dikenakan kepada pemandu *e-hailing* juga sewajarnya dilaksanakan terhadap pemandu teksi kerana telah mendapat rungutan sejak sekian lama.

<sup>34</sup> TDM menegaskan bahawa keputusan untuk mengiktiraf Sijil Peperiksaan Bersama (UEC) hanya boleh dibuat oleh kerajaan. UEC tidak selaras dengan kurikulum kebangsaan seperti yang diiktiraf dalam Akta Pendidikan 1996. Selain itu, standard komponen Bahasa Malaysia UEC tidak setaraf dengan standard Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), liputan kurikulum sejarah UEC bagi sejarah negara ini juga tidak mencukupi. Syarat bagi kemasukan ke sesebuah universiti awam ialah lulus SPM dengan keupujian Bahasa Melayu. (Astro Awani, 4 April 2019)

<sup>35</sup> TDM dijangka membentangkan bacaan kedua Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) 2019 bagi Perkara 1(2) untuk mengembalikan kedudukan Sabah dan Sarawak sama rata dengan Semenanjung. (Berita Harian Online, 9 April 2019)

<sup>36</sup> Kerajaan melalui Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) memperuntukkan RM80 juta untuk memberi Rebate Bil Elektrik berjumlah RM40 kepada 185,000 miskin tegar dan miskin yang berdaftar dan disahkan dalam Sistem eKasih bermula Jan 2019. (Astro Awani, 26 Disember 2018)

TDM juga telah memperkenalkan pelaksanaan insentif pengeluaran getah (IPG) kepada penoreh getah<sup>37</sup>. Ini dapat melindungi penoreh-penoreh getah yang harga getah sekerap yang kadang kala jatuh merudum.

TDM juga telah memperkenalkan skim khas untuk ahli sukan atau mereka yang terlibat dalam mengharumkan nama negara. Antaranya ialah penerima Skim Kesukanan Atlet Kebangsaan bakal menerima rawatan setaraf kakitangan kerajaan demi untuk membela nasib wira suka negara. Mereka perlu berdaftar dengan Yayasan Atlet Kebangsaan (YAKEB)<sup>38</sup>. Selain itu, TDM juga telah meluluskan elaun latihan atlet di mana jumlah minimum melibatkan RM800 hingga RM7500

Akhir sekali, apa yang dinyatakan di atas ini ialah antara 50 perkara yang telah dilaksanakan oleh TDM sepanjang beliau menerajui kerajaan.

## KESIMPULAN

Gagasan pemikiran politik Tun Dr. Mahathir Mohamad (TDM) sepanjang beliau menjadi Perdana Menteri Malaysia ke-7 iaitu dari 10 Mei 2018 sehingga 24 Feb 2020 adalah seperti mana yang dinyatakan dalam 100 hari garis pertama dan 50 perkara yang telah dilakukan oleh TDM.

TDM mengambil alih teraju pemerintahan negara pada ketika negara terpalit dengan hutang berbilion ringgit yang hangat diperkatakan di seluruh negara dan percaraan yang ke atas Najib Razak bekas Perdana Menteri berdepan dengan tiga pertuduhan pecah amanah, tiga pertuduhan pengubahan wang haram dan satu pertuduhan salah guna kuasa<sup>39</sup>.

TDM telah menyusun strategi untuk mengembalikan balik negara sebagai Harimau Asia pada tahun 2030<sup>40</sup>. Langkah pertama TDM ialah membentuk *think tank group* yang terdiri daripada mereka yang berpengalaman dan mempunyai kepakaran dalam berbagai bidang khususnya bidang ekonomi. Kepakaran dan pengalaman mereka diperlukan untuk membangunkan semula negara.

Seterusnya TDM cuba mendapatkan kembali duit rakyat Malaysia yang telah dicuri dan akibat skandal 1MDB yang terbesar dalam sejarah dunia. TDM juga cuba berunding semula segala perjanjian yang telah dibuat antara Datuk Sri Najib Razak yang mewakili kerajaan Malaysia dengan negara luar. Sekiranya perjanjian itu tidak menguntungkan Malaysia TDM akan mencari jalan untuk berunding semula agar Malaysia mendapat keuntungan.

TDM juga telah menilai kembali kadar bunga atau kadar faedah yang dipinjam oleh kerajaan Malaysia ketika Datuk Seri Najib menjadi Perdana Menteri. Di dapati kadar faedah tersebut terlalu tinggi maka TDM membuat pinjaman dari Jepun yang dikenali sebagai Bon Samurai dengan kadar faedah 0.65% berbanding dengan pinjaman yang dibuat oleh Perdana Menteri sebelum ini sebanyak 6 peratus. Jadi, pinjaman Bon Samurai ini untuk menutup pinjaman sebelum ini dengan kadar faedah dapat dikurangkan sebanyak 5.35% iaitu satu jumlah yang besar dalam skala billion dan dapat menyelamatkan wang rakyat. Perkara ini dijelaskan oleh TDM ketika pembentangan Belanjawan 2019 di Dewan Rakyat.

TDM juga telah memperkukuhkan Suruhanjaya Perkhidmatan Rasuah Malaysia (SPRM). Menurut TDM rasuah yang berlaku di Malaysia ini amat membimbangkan. Sehubungan dengan itu, TDM telah melantik Dato' Sri Mohd Shukri yang sebelum ini telah sebagai Ketua Pengarah menggantikan Tan Sri Dzulkifli Ahmad mulai 18 Mei 2018 sehingga 17 Mei 2019<sup>41</sup>. SPRM seterusnya diperkasakan lagi oleh TDM dengan menambah bilangan kakitangan seramai 100 orang bagi meningkatkan tahap tadbir urus dan penyampaian perkhidmatan selaras dengan prinsip Cekap, Akauntabiliti dan Telus (CAT).<sup>42</sup>

Diperingkat antarabangsa, TDM telah memperkemaskan kedudukan Malaysia dengan mengadakan hubungan diplomatik dengan Brunai, Rusia, Turki, Pakistan dan lain-lain. Jadual beliau begitu padat sepanjang tempoh beliau menerajui Malaysia sebagai Perdana Menteri bagi kali ke-2.

Pada awal Januari tahun 2019, TDM telah diiktiraf sebagai Lelaki Muslim Paling Berpengaruh di Dunia oleh *The Muslim 500*, sekaligus mengetuai senarai 500 lelaki Muslim paling berpengaruh di dunia. Pada April 2019 TDM disenaraikan antara 100 individu paling berpengaruh di dunia oleh majalah antarabangsa *TIME* dan pada awal 2019 juga TDM dinamakan sebagai 50 Tokoh Paling Berpengaruh oleh portal antarabangsa, *Fortune.com*. Ketiga-tiga penerbitan ini menggambarkan TDM sebagai insan luar biasa.<sup>43</sup> Kesemuanya ini adalah disebabkan oleh gagasan pemikiran TDM. Dunia menilai ketokohan pemimpin adalah kerana gagasan pemikiran mereka yang luarbiasa.

<sup>37</sup> Kerajaan tidak bercadang menetapkan harga lantai getah sekerap pada RM3 sekilogram kerana memberi impak kewangan sebanyak RM1.29 billion. Namun, kerajaan telah memperkenalkan insentif pengeluaran getah (IPG) iaitu jika harga getah sekerap di bawah RM2.20 sekilogram sistem ini akan diaktifkan. Sehingga 31 Januari 2019, sebanyak 545,175 bilangan permohonan tuntutan telah diluluskan yang membabitkan peruntukan RM68.9 juta. Mekanisma pelaksanaan IPG adalah berunsurkan kepada produktiviti di mana semakin tinggi pengeluaran semakin banyak insentif yang bakal diperolehi pekebun kecil getah.

<sup>38</sup> Pada Februari 2019, kerajaan bersetuju memberikan suntikan dana RM3 juta kepada YAKEB dan Yayasan tersebut perlu berusaha mencari dana tambahan. Setahun dianggarkan RM1.7 juta diperlukan untuk rawatan perubatan tidak termasuk kos pengurusan. (Berita Harian Online, 13 Sept 2019).

<sup>39</sup> Berita Harian 28 Julai 2020

<sup>40</sup> New Straits Times. Dr M says Malaysia can be new Asian tiger under WKB2030 (The Shared Prosperity Vision 2030)

<sup>41</sup> <https://www.sprm.gov.my/index.php/component/tags/tag/352-dato-sri-mohd-shukri>

<sup>42</sup> Sinar Harian. 7 Sept 2020.

<sup>43</sup> <https://www.sinarharian.com.my/article/27706/BERITA/Nasional/Ketokohan-Tun-M-diiktiraf-dunia>

TDM dikenali sebagai perdana Menteri yang tertua di dunia. Seorang pemimpin yang berani dan lantang bersuara. Beliau juga tegas dalam membuat keputusan, amanah serta mempunyai disiplin yang tinggi terutama amat menepati waktu. TDM disegani di peringkat antarabangsa.

Pada Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu ke-73 di New York pada 23 Sept 2019 TDM dengan lantang mengulangi desakan supaya kuasa veto dimiliki oleh sekurang-kurangnya dua negara kuasa besar dengan disokong oleh tiga anggota tetap Majlis Keselamatan PBB. TDM juga menemplak kerajaan Myanmar berikutan pembunuhan beramai-ramai etnik Rohingya di Rakhine. TDM tidak pernah tinggal membangkitkan isu Palestin supaya Israel menghentikan tindakan mereka yang mencabuli undang-undang antarabangsa.

Kejayaan TDM untuk mengubah Malaysia daripada negara dunia ketiga menjadi negara membangun telah menarik minat negara-negara Asia Barat untuk mencontohi kepimpinan politik TDM. TDM juga dianggap negarawan Islam yang telah berjaya mengubah persepsi masyarakat dunia berikutan dengan kelantangan Malaysia mengkritik dasar Myanmar, pelarian Rohingya, pencerobohan Israel di Palestine serta krisis yang berlaku di Syria yang semuanya adalah negara yang majoriti penduduk Islam. Dalam pada itu, TDM dikenang sebagai pemimpin Malaysia yang banyak menghulurkan bantuan kepada Bosnia-Herzegovina ketika negara Balkan itu dilanda peperangan pada tahun 1990-an dan terus memberi sumbangan dalam membangunkan semula negara tersebut.

Akhir sekali, ketika usia TDM yang telah mencecah 95 tahun, tidak ada apa lagi yang diinginkan oleh beliau kecuali ingin melihat negara Malaysia terus maju dan bangsa Melayu menjadi bangsa yang terbilang di dunia ini seperti kegemilangan Islam yang pernah menjadi sebuah empayar yang kuat dan sukar ditandingi.

## BIBLIOGRAPHY

- Teik, K. B. (1995). *Paradoxes of Mahathirism: an Intellectual biography of Mahathir Mohamad*. Oxford: Oxford University Press.
- Rusdi, O. &. (2006). Falsafah pemikiran politik Dr. Mahathir Mohamad. *Jurnal Kemanusiaan UTM* 1(2), 78-91.
- Mohamad, M. (1970). *The Malay Dilemma*. Singapore: Donald Moore for Asia Pacific Press.
- Hilley, J. (2008). *Malaysia: Mahathirism, hegemoni dan pembangkang baru*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara.
- Wain, B. (2009). *Malaysian Maverick: Mahathir Mohamad in turbulent times*. London: Palgrave Macmillan.
- Dosch, J. (2014). Mahathirism and its legacy in Malaysian's foreign policy. *European Journal of East Asian Studies*. 13(1), 5-32.
- Ramlie, Z. (n.d.). Tesis doktor falsafah Analisis Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad Mengenai Islam dan Pelaksanaan Dasarnya dalam Negara Malaysia. 2011. Universiti Utara Malaysia.

Nor Azaruddin Husni bin Nuruddin  
Pusat Kajian Sains dan Alam Sekitar,  
Institut Kefahaman Islam Malaysia  
E-mail: azaruddin@ikim.gov.my